


# MODEL KEIBUBAAPAAN SIBER

*untuk*

Kanak-kanak

KOLOKIU  
PENYELIDIKAN 2020

NAZILAH BT AHMAD @ AHMAD ARIFIN



# PENYATAAN MASALAH

- Peranan institusi kekeluargaan dalam aspek pemantauan dan penyeliaan penggunaan siber bagi memastikan anak-anak tidak terdedah dengan ancaman keselamatan siber;
- Ketiadaan pemantauan penggunaan siber mendatangkan kesan negatif seperti ketagihan, penipuan dan buli siber;
- Golongan ibu bapa kurang mahir dalam aspek teknikal media baharu menyebabkan implimentasi pemantauan yang baik dan berkesan di rumah terhalang;
- Gaya keibubapaan memainkan peranan yang penting dalam menggalak atau mengehend pendedahan kanak-kanak terhadap internet.; dan

Kajian ini mencadang model keibubapaan siber untuk kanak-kanak mengambil kira faktor keibubapaan yang mempengaruhi penggunaan siber yang selamat di rumah

# OBJEKTIF, SKOP DAN SUMBANGAN KAJIAN

## OBJEKTIF

- Mengenal pasti tahap kesedaran ibu bapa terhadap ancaman keselamatan siber di rumah
- Mengenal pasti tahap kesediaan ibu bapa terhadap penggunaan peranti peribadi untuk pembelajaran formal kanak-kanak; dan
- Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penggunaan siber yang selamat di rumah bagi kanak-kanak

## No Skop Kajian

1. **TUMPUAN:** Kesedaran ibu bapa terhadap ancaman siber, Kesediaan Ibu bapa terhadap penggunaan peranti peribadi untuk pembelajaran formal dan faktor penggunaan siber di rumah
2. **RESPONDEN :** Ibu bapa yang mempunyai anak berumur bawah 18 tahun.
3. **METODOLOGI PENGUMPULAN DATA :** Soalan Kaji Selidik melalui dalam talian dan manual

## No Sumbangan Kajian

1. **Model Keibubapaan Siber**
2. **Faktor Keibubapaan Siber**
3. **Tahap kesedaran dan pengetahuan ibu bapa dalam bidang penggunaan dan keselamatan siber**
4. **Tahap kesediaan ibu bapa terhadap penggunaan peranti peribadi untuk pembelajaran formal kanak-kanak**

# SOROTAN KAJIAN



Bil	Tajuk Artikel/ dokumen	Penulis	Faktor Penggunaan			
			Pemantauan	Gaya Ibu Bapa	Jati Diri	Pengetahuan
1	Buku Panduan Keibubapaan siber	(CSM 2018)	√		√	
2	Analisis Keselamatan Siber Dari Perspektif persekitaran Sosial: Kajian Terhadap Pengguna Internet Di Lembah Klang	(Pitchan, Omar 2017)	√			√
3	Hubungan Antara Gaya Keibubapaan Dengan Penggunaan Internet Kanak-Kanak	(Abas 2016)	√	√		
4.	<i>Cyber-Parenting: Internet Benefits, Risks and Parenting Issues</i>	(Wong 2011)	√	√		√
5.	Teacher Perceptions of Parent Engagement at a Cyber High School	(Borup 2016)	√	√		√
6	Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber	(KPWK 2015)			√	
7	<i>Developing a framework for researching children's online risks and opportunities in Europe</i>	(Livingstone et al. 2015)	√	√	√	
8	<i>Cyber Security Situational Awareness among Students: A Case Study in Malaysia</i>	(Zahri et al. 2017)	√	√	√	
9.	<i>Exploring The Digital Landscape In Malaysia. Access And Use Of Digital Technologies By Children And Adolescents</i>	(UNICEF 2014)	√		√	√
10.	<i>The Adolescent Community of Engagement Framework: A Lens for Research in K-12 Online Learning Environments</i>	(Borup et al. 2014)	√			

# MODEL KAJIAN PENGGUNAAN SIBER BAGI IBU BAPA DAN KANAK-KANAK

## 1 Kerangka Penglibatan Ibu Bapa

Peranan ibu bapa dalam penggunaan siber di rumah bagi menyokong pembelajaran di sekolah -Epstein (1987)

Kerangka Kerja Komuniti Remaja (ACE) telah direka khusus dengan mengambil kira persekitaran pembelajaran dalam talian remaja (Borup et al. 2014)

## 4 Model dalam Talian Kanak-Kanak Kesatuan Eropah

Ibu bapa merupakan agen sosial kerana dan faktor yang relevan memberi kesan terhadap masalah tingkah laku kanak-kanak dalam dunia siber. (Daud 2017; Thijs & Dijk 2015)

## 2 Kerangka Penggunaan Siber di Peringkat Sekolah

**Kerangka Sekolah Selamat Kebangsaan (NSSF)** membangun dan melaksanakan dasar dan program melalui proses yang melibatkan seluruh komuniti sekolah

### **Kerangka Kesejahteraan Siber**

Penglibatan ibu bapa merupakan satu unsur penting dalam menyediakan persekitaran siber yang selamat di peringkat rumah yang berperanan sebagai role model dan melaksanakan aktiviti pemantauan serta penguatkuasaan peraturan

## 3 Model Keibubapaan

Gaya autoritatif adalah gaya yang terbaik kerana ia mempunyai jangkaan yang jelas dan munasabah terhadap anak-anak, terbuka dalam perbincangan, pendengar kepada anak-anak, dan mengukuhkan kualiti istimewa anak-anak (Abas 2016; Wong et al. 2015)

## 5 Model Hubungan Keluarga-Sekolah

Kane et al. (2005) mencadangkan bahawa interaksi ibu bapa dan anak melibatkan empat langkah iaitu menilai, memantau, membantu, dan melakukan bersama.

# CADANGAN MODEL KONSEP KAJIAN



# REKABENTUK KAJIAN



Adaptasi dari Creswell (2009)





# **DAPATAN KAJIAN**

# ANALISIS DESKRIPTIF : TAHAP KESEDARAN IBU BAPA TERHADAP ANCAMAN KESELAMATAN SIBER

Jadual 4.2

Analisis Kesedaran Ibu bapa Terhadap Penggunaan Siber

	Tahap persetujuan				
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
	%	%	%	%	%
Saya sedar mengenai potensi ancaman dalam talian kepada anak-anak saya	2.2	2.6	14.7	61.6	18.9
Saya sedar mengenai apa yang dilayari oleh anak saya	1.8	4.8	27.8	50.3	15.3
Saya sedar anak saya tahu menggunakan internet dengan cara yang betul	1.5	9.5	34.7	45.2	9.1
Saya sedar betapa sukar untuk mengawal penggunaan internet anak saya	1.9	6.9	24.8	45.1	21.3
Saya sentiasa berdisiplin dalam menggunakan peranti mudah alih dan internet terutamanya ketika bersama keluarga	0.7	3.6	22.7	51.6	21.4

Jadual 4.3

Jadual Skor Min dan Tahap Kesedaran Ibu Bapa

	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Kesedaran
Saya sedar mengenai potensi ancaman dalam talian kepada anak-anak saya	3.92	0.80	Sederhana
Saya sedar mengenai apa yang dilayari oleh anak saya	3.72	0.84	Sederhana
Saya sedar anak saya tahu menggunakan internet dengan cara yang betul	3.51	0.84	Sederhana
Saya sedar betapa sukar untuk mengawal penggunaan internet anak saya	3.77	0.93	Sederhana
Saya sedar saya memberikan teladan kepada anak saya dalam penggunaan peranti mudah alih dan internet	3.90	0.79	Sederhana
Saya sentiasa berdisiplin dalam menggunakan peranti mudah alih dan internet terutamanya ketika bersama keluarga	3.90	0.80	Sederhana

# ANALISIS DESKRIPTIF : TAHAP KESEDIAAN IBU BAPA TERHADAP PENGGUNAAN PERANTI PERIBADI UNTUK PEMBELAJARAN FORMAL KANAK-KANAK

Jadual 4.5 Analisis Data Mengenai Cadangan Membenarkan Murid Membawa Peranti ke Sekolah

	Tahap Persetujuan				
	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
	%	%	%	%	%
Saya bersetuju dengan cadangan pelaksanaan Dasar Membenarkan Pelajar Membawa Peranti ke Sekolah.	24.1	22.6	26.4	17.4	9.5
Saya bersetuju untuk membeli peranti mudah alih dan talian rangkaian bagi tujuan pembelajaran anak.	9.2	13.4	36.6	30.2	10.7
Saya bersetuju untuk membeli rangkaian yang mempunyai khidmat pengawasan ibu bapa (parental control).	4.7	6.3	29.1	37.8	22.0
Saya lebih selesa anak saya menggunakan talian rangkaian yang disediakan oleh pihak sekolah	2.9	2.6	23.6	38.9	32.0
Saya rasa terbeban dengan pelaksanaan cadangan ini	12.7	22.9	29.1	21.6	13.6
Saya berpuashati dengan perkongsian maklumat berkenaan keselamatan siber oleh pihak sekolah anak saya.	4.9	16.4	41.6	30.7	6.3
Sekolah anak saya perlu membina hubungan yang lebih dekat dengan ibu bapa untuk memastikan saya mengetahui tentang perkembangan keselamatan siber.	1.8	3.9	21.9	50.1	22.2

# ANALISIS DESKRIPTIF : TAHAP KESEDIAAN IBU BAPA TERHADAP PENGGUNAAN PERANTI PERIBADI UNTUK PEMBELAJARAN FORMAL KANAK-KANAK

Jadual 4.6 Jadual Skor Min dan Tahap kesediaan ibu bapa terhadap penggunaan peranti peribadi untuk pembelajaran formal kanak-kanak

	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Kesediaan
Saya bersetuju dengan cadangan pelaksanaan Dasar Membenarkan Pelajar Membawa Peranti ke Sekolah.	2.8192	1.29867	Rendah
Saya bersetuju untuk membeli peranti mudah alih dan talian rangkaian bagi tujuan pembelajaran anak.	3.2836	1.08944	Sederhana
Saya bersetuju untuk membeli rangkaian yang mempunyai khidmat pengawasan ibu bapa (parental control).	3.6368	1.04027	Sederhana
Saya lebih selesa anak saya menggunakan talian rangkaian yang disediakan oleh pihak sekolah	3.9701	0.96918	Sederhana
Saya rasa terbebani dengan pelaksanaan cadangan ini	2.8474	1.20489	Rendah
Saya berpuashati dengan perkongsian maklumat berkenaan keselamatan siber oleh pihak sekolah anak saya.	3.2720	0.91626	Sederhana
Sekolah anak saya perlu membina hubungan yang lebih dekat dengan ibu bapa untuk memastikan saya mengetahui tentang perkembangan keselamatan siber.	3.8176	0.85680	Sederhana

Skor kesediaan ibu bapa yang berada pada tahap **sederhana** iaitu skor min **3.37**

# ANALISIS INFERENSI BAGI MENGUJI HIPOTESIS KAJIAN

## HIPOTESIS 1

$H_0$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kesedaran ibu bapa mengenai penggunaan siber dengan penggunaan siber yang selamat di rumah

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap kesedaran ibu bapa mengenai penggunaan siber dengan penggunaan siber yang selamat di rumah

Jadual 4.7 Hubungan Kolerasi Tahap Kesedaran Ibu Bapa Dengan Penggunaan Siber Yang Selamat Di Rumah

	Penggunaan Siber yang selamat di rumah	
	Pekali kolerasi (R)	P
Kesedaran ibu bapa mengenai ancaman siber	0.559	0.000

\*\* Signifikan  $P < 0.05$

Keputusan analisis :  **$H_0$  di tolak**

# ANALISIS INFERENSI BAGI MENGUJI HIPOTESIS KAJIAN

## HIPOTESIS 2

$H_0$ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan peranan sekolah dalam memberikan kesedaran kepada ibu bapa dengan tahap kesediaan ibu bapa terhadap penggunaan peranti peribadi untuk pembelajaran formal kanak-kanak

$H_1$ : Terdapat hubungan yang signifikan peranan sekolah dalam memberikan kesedaran kepada ibu bapa dengan tahap kesediaan ibu bapa terhadap penggunaan peranti peribadi untuk pembelajaran formal kanak-kanak

Jadual 4.7 Hubungan Kolerasi Peranan Sekolah dalam Memberikan Kesedaran Kepada Ibu Bapa dengan Tahap Kesediaan Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Peranti Peribadi untuk Pembelajaran Formal Kanak-Kanak

**Tahap kesediaan ibu bapa terhadap penggunaan peranti peribadi untuk pembelajaran formal kanak-kanak**

	Pekali kolerasi (R)	P
<b>Peranan sekolah dalam memberikan kesedaran kepada ibu bapa</b>	0.508	0.000

\*\* Signifikan  $P < 0.05$

Keputusan analisis :  $H_0$  di tolak

# ANALISIS INFERENSI BAGI MENGUJI HIPOTESIS KAJIAN

## HIPOTESIS 3

H0: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor keibubapaan siber dengan penggunaan siber yang selamat di rumah bagi kanak-kanak.

H1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor keibubapaan siber dengan penggunaan siber yang selamat di rumah bagi kanak-kanak

Jadual 4.9 Terdapat Hubungan yang Signifikan di antara Faktor Keibubapaan Siber dengan Penggunaan Siber yang Selamat di Rumah

	<b>Penggunaan siber yang selamat di rumah</b>	
	<b>Pekali kolerasi (R)</b>	<b>P</b>
<b>Faktor keibubapaan siber</b>	0.170	0.000

\*\* Signifikan  $P < 0.05$

Keputusan analisis :  **$H_0$  di tolak**

# ANALISIS PENEROKAAN FAKTOR MODEL KEIBUBAAPAN SIBER UNTUK KANAK-KANAK

*General Linear Model* yang signifikan secara statistik ( $R = 88.6\%$ ,  $P = 0.000$ ) dihasilkan daripada empat faktor utama iaitu jati diri, pemantauan ibu bapa, pengetahuan ibu bapa dan gaya keibubapaan autoritatif

Jadual 4.10 Ringkasan Model

Model	R	R <sup>2</sup>	Sisihan Piawaian	Perubahan Statistik				
				Perubahan R <sup>2</sup>	Perubahan F	df1	df2	Sig. F Change
1	.680 <sup>a</sup>	.462	.30963	.462	747.513	1	870	.000
2	.911 <sup>b</sup>	.830	.17436	.367	1874.513	1	869	.000
3	.938 <sup>c</sup>	.880	.14627	.051	366.941	1	868	.000
<b>4</b>	<b>.941<sup>d</sup></b>	<b>.886</b>	<b>.14279</b>	<b>.006</b>	<b>43.798</b>	<b>1</b>	<b>867</b>	<b>.000</b>

Nilai kekuatan hubungan antara konstruk digambarkan melalui nilai Beta ( $\beta$ ) manakala nilai sumbangan kesemua pemboleh ubah dilihat melalui nilai R square (R<sup>2</sup>).


Jadual 4.11 Koefisien Kolerasi

Model	Beta	Sisihan piawai	t	P
(Constant)	.660	.038	17.455	.000
Jati Diri	.334	.006	58.474	.000
Pemantauan Ibu Bapa	.186	.023	8.081	.000
Pengetahuan Ibu Bapa	.179	.009	20.054	.000
Gaya Keibubapaan Autoritatif	.115	.017	6.618	.000

\*\*Pemboleh ubah bersandar = Penggunaan siber selamat di rumah



# MODEL STRUKTURAL KEIBUBAPAAN SIBER



$$\text{Penggunaan Siber yang Selamat, } y = 0.66 + 0.334x_1 + 0.186x_2 + 0.179x_3 + 0.115x_4$$

*di mana*


$x_1$  = *Jati diri anak*

$x_2$  = *Pemantauan ibu bapa*

$x_3$  = *Pengetahuan ibu bapa*

$x_4$  = *Gaya keibubapaan autoritatif*

# MODEL KEIBUBAAPAN SIBER UNTUK KANAK-KANAK



# BATASAN KAJIAN

- i. Kajian ini dijalankan melalui teknik persampelan mudah atau sekarela terhadap ibu bapa di sekolah arus perdana di seluruh Malaysia.
- ii. Hasil analisis kajian ini tertakluk kepada tahap kefahaman dan kejujuran responden dalam menjawab borang soal selidik yang telah diedar.
- iii. Bidang keibubapaan siber merupakan bidang sains sosial yang masih baru dan kajian mengenainya serta rujukan bagi kajian juga adalah terhad.
- iv. Kajian bersifat kuantitatif di mana skop dan metodologi kajian ini hanya tertumpu kepada analisis ke atas borang soal selidik yang diedar kepada responden dalam skop sampel yang terhad semata-mata sebagai sumber data responden

# RUMUSAN DAN PENEMUAN KAJIAN

## OBJEKTIF 1

Mengenal pasti tahap kesedaran ibu bapa terhadap ancaman keselamatan siber di rumah

Tahap kesedaran ibu bapa mengenai potensi ancaman dalam talian kepada anak-anak mereka adalah tinggi. Namun analisis data secara keseluruhan mengenai kesedaran ibu bapa terhadap aspek pemantauan penggunaan siber, peranan ibu bapa sebagai *role model*, dan akta siber yang berkuatkuasa di Malaysia adalah pada tahap sederhana

## OBJEKTIF 2

Mengenal pasti tahap kesediaan ibu bapa terhadap penggunaan peranti peribadi untuk pembelajaran formal kanak-kanak

Tahap kesediaan ibu bapa berada pada tahap sederhana. Ibu bapa masih tidak mengiktiraf kandungan internet dan peranti mudah alih sebagai medium pembelajaran formal dan menganggap peranti mudah alih hanya digunakan tujuan komunikasi dan hiburan. Tahap kesediaan ibu bapa boleh ditingkatkan dengan mengurangkan beban kos pelaksanaan terhadap ibu bapa.

## OBJEKTIF 3

Mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penggunaan siber yang selamat di rumah bagi kanak-kanak.

Hasil analisis mendapati bahawa faktor pemantauan ibu bapa, gaya keibubapaan autoritatif, pembentukan jati diri anak dan pengetahuan ibu bapa mempengaruhi penggunaan peranti di rumah melibatkan kanak-kanak

# CADANGAN MASA HADAPAN

1. **Perluasan kajian kepada ibu bapa kepada pelajar semua sekolah di Malaysia yang melibatkan sekolah rendah dan menengah, luar bandar dan bandar, sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan, sekolah berasama penuh dengan sekolah harian serta kolej vokasional, sekolah swasta dan tadika asuhan melibatkan sampel lebih besar**
2. **Menggabungkan teknik kuantitatif dan kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual dan pandangan pakar**
3. **Keberkesanan dan kebolehlaksanaan model keibubapaan siber untuk kanak-kanak perlu dilaksana dengan objektif kajian khusus kepada pelaksanaan dasar, garis panduan strategi dan pemahaman terhadap faktor-faktor keibubapaan**
4. **Kajian melibatkan faktor persekitaran seperti faktor fizikal rumah, faktor persekitaran sekolah dan faktor komuniti dalam memastikan penggunaan siber yang selamat di rumah bagi kanak-kanak.**

SEKIAN, TERIMA KASIH